







# DIALEK HULU KEDAH: SATU PENGELOMPOKAN BAHARU

*(Hulu Kedah Dialect: A New Classification)*

Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani<sup>1</sup>    
khairulanwar@uitm.edu.my

Mohd Tarmizi Hasrah<sup>2</sup>    
h.tarmizi@uum.edu.my

Khairul Faiz Alimi<sup>3</sup>    
kfalimi@uum.edu.my

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, 40450 Shah Alam, Selangor. Malaysia.<sup>1</sup>

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia.<sup>2&3</sup>

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):<sup>1</sup>

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani, Mohd Tarmizi Hasrah & Khairul Faiz Alimi. (2024). Dialek Hulu Kedah: Satu pengelompokan baharu. *Jurnal Bahasa*, 24(1), 1–44. [https://doi.org/10.37052/jb24\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/jb24(1)no1)

Peroleh: <i>Received:</i>	7/3/2024	Semakan: <i>Revised</i>	1/4/2024	Terima: <i>Accepted:</i>	16/5/2024	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	20/6/2024
------------------------------	----------	----------------------------	----------	-----------------------------	-----------	--	-----------

## Abstrak

Makalah ini membincangkan dialek Melayu yang dituturkan di Baling, Kedah, Malaysia. Dialek di kawasan ini dipersepsikan oleh penutur lokal sebagai unik dan berbeza berbanding dengan dialek Melayu Kedah yang piawai. Oleh sebab wujud persepsi yang sedemikian, beberapa siri kunjungan lapangan dilakukan ke kawasan Baling bagi mengumpulkan data dialek. Tujuannya adalah untuk menjawab dua pertanyaan asas dalam dialektologi diakronik, iaitu: (i) apakah ciri fonologi dialek di Baling yang menjadikannya berbeza

daripada dialek Melayu Kedah yang piawai dan dialek Melayu lain?, dan (ii) apakah hubungan dialek Melayu di Baling dengan dialek yang dibandingkan itu? Bagi menjawab pertanyaan ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual dengan memanfaatkan sebanyak 643 item leksikal dalam daftar kata, termasuklah rakaman perbualan. Data yang telah dipungut itu kemudiannya dianalisis menggunakan kerangka dialektologi diakronik yang memfokuskan pemerian inovasi bersama dan pengekalan, serta perbandingan antara dialek. Pemerian inovasi bersama dan pengekalan dalam aspek fonologi adalah bagi tujuan pengelompokan. Beberapa inovasi dan pengekalan fonologi membuktikan dua perkara. Pertama, dialek Melayu di Baling terpisah daripada cabang dialek Melayu Semenanjung Utara. Dengan erti kata lain, dialek tersebut bukan subdialek bagi dialek Kedah piawai. Kedua, oleh sebab dialek Melayu di Baling terpisah daripada induknya yang sering diuar-uarkan selama ini dan berkongsi persamaan dengan dialek Melayu lain yang terdapat di sekitarnya, dialek tersebut membentuk cabangnya yang tersendiri. Cabang yang dimaksudkan ini dikenali sebagai cabang dialek Melayu Hulu Semenanjung Utara. Cabang ini terdiri daripada dialek yang dituturkan oleh masyarakat yang tinggal di kawasan Hulu Kedah yang merangkumi Baling, Sik, Kuala Nerang, Padang Terap dan Hulu Perak Utara. Selain linguistik, hubungan akrab dialek dalam cabang ini juga turut diperkukuh dengan bukti sejarah dan sosiologi. Implikasi penemuan makalah ini yang terpenting ialah kewujudan cabang baharu dalam dialek Melayu Semenanjung Utara yang perlu diangkat dalam pengelompokan dialek Melayu Semenanjung secara umum.

Kata kunci: Dialektologi, dialek hulu Kedah, fonologi diakronik, pengelompokan, inovasi, pengekalan

### ***Abstract***

*This paper discusses the Malay dialect spoken in Baling, Kedah. The Malay dialect in this area is perceived by local speakers as being unique and different compared to the standard Kedah Malay dialect. Due to the existence of such a notion, a series of visits were made to Baling to collect data of its dialect. The purpose is to answer two basic questions in diachronic dialectology, namely: (i) what are the phonological features of the Malay dialect in Baling that differentiates it from standard Kedah Malay and other Malay dialects? (ii) What is the relationship between the said dialects? To answer this question, the researcher used the interview method by utilizing up to 643 lexical items in the corpus, including conversation recordings. The collected*

*data was then analysed using a diachronic dialectology framework that focuses on description of shared innovation and retention, and also dialect comparison. The shared innovation and retention of phonological features is for the purpose of classification. Some phonological innovation and retention prove two things. Firstly, the Baling Malay dialect is distinct from the Malay dialect branch of the Northern Peninsula. In other words, this dialect is not a “subdialect” of the standard Kedah Malay dialect. Secondly, since this Malay dialect is distinct from the said branch and shares similarities with other Malay dialects around it, the Baling dialect forms its own branch. This branch is called the hulu dialect branch of the Northern Peninsula. It comprises the dialects spoken by communities living in the upstream areas of Kedah, including Baling, Sik, Kuala Nerang, Padang Terap and the upstream area of Northern Perak. Besides linguistics, the familiar relationship in this dialect branch can also be strengthened with historical and sociological evidence. An important implication of the findings of this paper is the existence of a new branch in the Malay dialect of the Northern Peninsula that should be formally raised in the dialect classification of Peninsular Malaysia.*

*Keywords: Dialectology, Hulu Kedah Malay, diachronic phonology, classification, innovation, retention*

## **PENDAHULUAN**

Tidak dapat dinafikan bahawa dialek Melayu banyak memperlihatkan ciri yang kompleks justeru menatijahkan kelainan dalam sistem linguistiknya jika dibandingkan dengan sistem linguistik bahasa Melayu piawai. Kompleksiti ciri yang dimaksudkan terhasil daripada pelbagai faktor. Antara faktor terpenting termasuklah keadaan geografi yang berbukit bukau dan kawasan hunian penuturnya yang dikelilingi oleh hutan rimba. Keadaan sekitaran seperti ini menyebabkan berlaku keterbatasan dalam perhubungan dan komunikasi antara dua atau lebih kawasan yang terlibat. Lama-kelamaan, kawasan berkenaan dipisahkan pula secara rasmi melalui persempadanan politik moden, terutamanya selepas tahun 1824. Keadaan ini menyebabkan darjah saling faham antara dialek semakin berkurangan walaupun belum lagi mencapai taraf perbezaan bahasa. Pengurangan darjah saling faham mewajarkan dialek berkenaan untuk dikelompokkan berdasarkan sempadan kenegerian yang akhirnya turut dijadikan teras dalam pembinaan praandaian bagi pengungkapan fakta tentang dialek Melayu, terutamanya di Semenanjung.

Faktanya ialah pengelompokan dialek berdasarkan sempadan politik kenegerian seperti yang dinukilkan telah lama menerasi kajian dialek Melayu Semenanjung. Dalam hal ini, entiti politik digunakan sebagai alat untuk mengelompokkan sesebuah dialek Melayu berdasarkan nama kawasan politik yang menjadi hunian penutur dialek tersebut. Umpamanya, dialek Melayu Kedah di negeri Kedah, dialek Melayu Perlis di negeri Perlis, dialek Melayu Pulau Pinang di negeri Pulau Pinang dan dialek Melayu Perak di negeri Perak. Tanggapan tentang penyebaran dialek berdasarkan sempadan politik kenegerian ini secara tidak langsung disokong oleh banyak pengkaji, termasuklah Asmah Haji Omar (2008). Maka, tanggapan ini diiktiraf sebagai “daftar kanonik dialek Melayu” yang dibangunkan menurut “grid sempadan negeri” (Collins, 2016a). Dalam karya yang dirujuk itu, Asmah Haji Omar (2008) memerikan sistem linguistik dialek Melayu dan difusinya mengikut sempadan politik. Maka, muncullah pentafsiran tentang kewujudan dialek standard atau piawai dan subdialek, dengan dialek standard atau piawai ialah dialek yang dituturkan di pusat pemerintahan dan kebudayaan, manakala subdialek ialah varian yang dituturkan di kawasan pinggir dan pedalaman. Dalam karya itu juga, Asmah membahagikan bab dialek yang dibincangkan mengikut nama negeri. Keterangan ini secara jelas menunjukkan bahawa Asmah sememangnya menerima konsep pembahagian dialek mengikut sempadan politik kenegerian walaupun penerimaan tersebut adalah secara tidak langsung kerana pembahagian bab seperti itu tidak muncul dalam karya beliau yang awal (Asmah Haji Omar, 1977).

Pembahagian dialek berdasarkan sempadan politik ini sememangnya mendapat tanggapan kritis, umpamanya oleh Collins (2016a). Kritikan Collins ini juga dapat dilihat dalam deretan kajiannya tentang dialek Melayu. Walaupun Collins tidak menyatakannya secara eksplisit, khususnya kritikkannya terhadap Ismail Hussein (1973) dan Asmah Haji Omar (1979, 2008), kajiannya di Hulu Terengganu (Collins, 1983a), lembangan Sungai Pahang (Collins, 1983b), Pulau Tioman (Collins, 1985) dan lembangan Sungai Sarawak (Collins, 2016b) bertitik bertolak daripada wawasan kajian dialek yang seharusnya berpandukan aspek geografi dan topografi. Dengan wawasan ini, Collins secara jelas menolak pengkajian dialek yang berasaskan sempadan politik.

Collins memformulasikan wawasan tersebut dengan lebih sistematik dan spesifik pada tahun 1995 menerusi sebuah makalah yang diterbitkan dalam *Bijdragen tot de taal-, land- en volkenkunde* (BKI). Versi bahasa Melayu makalah ini kemudiannya diterbitkan semula dalam *Wibawa*

*Bahasa* (Collins, 2016a). Dalam makalah ini, Collins menyatakan bahawa pembahagian dialek yang dilakukan mengikut sempadan politik ternyata kurang tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana jika diamati dengan sebaik-baik mungkin, dialek sebenarnya melangkaui batas sempadan politik kenegerian. Contohnya, dialek Melayu Kedah tidak hanya tersebar di negeri Kedah seperti yang dilakarkan sempadannya menurut peta rasmi Malaysia, tetapi turut dituturkan di Pulau Pinang, Perlis dan bahagian Perak utara. Hal yang sama berlaku terhadap penyebaran dialek Melayu Terengganu yang melangkaui sempadan negeri Terengganu kerana turut dituturkan di sepanjang pesisir pantai dari Pahang, Rompin hingga Mersing.

Maka, sempadan politik bukanlah ukuran yang berpeda untuk menentukan sempadan dialek dan penyebaran masyarakat penuturnya. Tegas Collins (2016a), sempadan arbitrari yang memisahkan dua kawasan melalui grid sempadan negeri (politik) sama sekali tidak boleh digunakan dalam kajian dialektologi, sebaliknya perlu dicari suatu tatakaedah yang lebih ampuh dan berpeda. Collins berpendapat bahawa dialek terjalin dalam suatu rangkaian dialek yang melangkaui batas politik; bandingkan pernyataan ini dengan kupasan Labov (1994) tentang konsep "*dialect chain*". Dengan melihat dialek sebagai suatu kontinum (Chambers & Trudgill, 1998), wawasan yang menyatakan pembahagian dialek ditentukan oleh sempadan politik secara automatiknya tertolak. Oleh itu, wawasan yang lebih tepat dan sesuai ialah penentuan sempadan dan penyebaran dialek berdasarkan sistem topografi dan geografi.

### **Permasalahan Kajian**

Sehubungan dengan itu, pengelompokan dialek yang dipadankan dengan sempadan negeri sememangnya mengundang masalah tersendiri. Masalah ini turut dapat dikesan dalam pengelompokan dialek Melayu yang dituturkan di kawasan hulu Kedah. Berkaitan dengan perkara ini, wujud kesepakatan dalam kalangan pengkaji untuk mengelompokkan dialek Baling misalnya, sebagai subdialek dialek Melayu Kedah (Asmah Haji Omar, 1977, 1979, 2008; Nur Faslin Sulaiman, 2015; Shahidi A. Hamid, 2009; Shuib Ismail, 1971). Namun begitu, terdapat sebilangan kecil pengkaji yang menawarkan cerapan yang sedikit berbeza. Contohnya, Hajek (2010) dan Umaiyah (1999) mendapati bahawa dialek Melayu di sempadan Malaysia-Thailand sepatutnya dikelompokkan secara bersama dengan dialek Melayu yang mendapat ciri linguistik khas hasil daripada

kontak dengan bahasa Thai. Oleh itu, dialek Melayu yang dituturkan di Baling seharusnya dikelompokkan dalam dialek Melayu Baling, bukannya sebagai subdialek dialek Melayu Kedah walaupun kawasan tersebut merupakan sebahagian daripada negeri Kedah.

Dari segi ciri linguistik, dialek yang dituturkan di Baling sememangnya memperlihatkan perbezaan yang jelas dengan dialek Melayu Kedah piawai. Mohd Tarmizi Hasrah dan Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani (2021, 2023) ada memerihalkan sejumlah ciri linguistik yang dimaksudkan; antara yang terpenting termasuklah konsonan beraspirasi dan realisasi [ɣ] pada awal kata, tengah kata dan akhir kata. Ciri linguistik yang ditampilkan ini secara jelas menunjukkan keperluan pengelompokan baharu bagi dialek Melayu di Baling. Namun begitu, para pengkaji yang sememangnya menyedari keberadaan ciri linguistik tersebut masih tetap mengelompokkan dialek Melayu Baling sebagai subdialek dialek Melayu Kedah, bukannya sebagai dialek tersendiri atau dialek yang membentuk cabang lain bersama-sama dengan beberapa dialek sekitarnya yang turut berkongsi ciri yang serupa seperti dialek Melayu Hulu Perak. Hal ini secara jelas menunjukkan pemanifestasian sudut pandang yang menyamakan sempadan dialek dengan sempadan politik kenegerian yang sepatutnya tidak berlaku dalam penyelidikan yang bersifat ilmiah.

Dengan berpandukan permasalahan kajian yang dinukilkan, tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengemukakan pengelompokan baharu bagi dialek Melayu yang dituturkan di kawasan hulu Kedah, iaitu di Baling. Dalam kajian ini, dialek tersebut dirujuk sebagai dialek Melayu hulu Kedah (DHK). Teras pengelompokan yang dicadangkan dalam kajian ini bukan disandarkan pada sempadan politik kenegerian, sebaliknya difusi geografi dan inovasi bersama dalam sistem linguistik. Maka, pengelompokan yang diusahakan ini melibatkan pembentukan cabang baharu dalam kelompok besar dialek cabang Semenanjung Utara yang merangkumi beberapa dialek yang berkontak dengan bahasa Thai.

### **Objektif Kajian**

Dengan berasaskan permasalahan kajian yang dinyatakan, objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Meluruskan kembali kekeliruan dalam pengelompokan DHK sedia ada yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu dan menghadirkan pengelompokan yang lebih baharu dan segar.

- ii. Bagi mencapai objektif (i), kajian ini menampilkan analisis terhadap ciri linguistik yang berinovasi dan yang kekal atau bertahan dalam sistem fonologi DHK.
- iii. Hasil objektif (ii) ialah pengelompokan baharu untuk DHK dan dialek Melayu di sekitarnya dengan satu nomenklatur khusus, iaitu cabang dialek Melayu Hulu Semenanjung Utara.

## KAJIAN LEPAS

Dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, dicatatkan bahawa dialek Melayu Kedah ialah bahasa Melayu yang memperlihatkan ciri linguistik tersendiri yang dituturkan di empat buah negeri utama, iaitu Kedah, Perak Utara, Perlis dan Pulau Pinang (Muhammad Hassan Mohd. Arshad, 1968). Mengikut rekod sejarah juga, kawasan pemerintahan kerajaan Kedah yang asal mencakupi kawasan yang lebih luas, iaitu meliputi negeri Perlis, Setul (yang sekarang ini di bawah pemerintahan Thailand) dan pulau di sebelah baratnya (Asmah Haji Omar, 2008). Kronologi sejarah tersebut secara tidak langsung memberikan bayangan tentang punca fenomena dialek Melayu di Setul seakan-akan meniru gaya pertuturan di Kedah dan Perlis. Jawapan bagi bayangan itu ialah dialek di ketiga-tiga buah negeri tersebut ternyata berkongsi hubungan sejarah dan genetik kebahasaan yang sama (Collins, 2016a).

Penyebaran dialek Melayu Kedah di Perak Utara pula sedikit berbeza. Hal ini dikatakan demikian kerana penyebarannya bukanlah disebabkan oleh faktor penjajahan, tetapi lebih dipengaruhi oleh faktor alam (Asmah Haji Omar, 2008). Faktanya ialah alam yang terbentang luas ibarat saujana mata memandang dari Perlis hingga Teluk Intan memungkinkan penduduknya berinteraksi tanpa dikekang oleh sebarang halangan. Halangan yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah ciri topografi dan geografi yang membataskan jaringan komunikasi antara dua kawasan, seperti gunung-ganang dan hutan belantara. Keadaan geografi yang landai dan ketiadaan halangan topografi menyebabkan gejala kesinambungan bahasa antara dua kawasan berterusan dengan lancarnya.

Secara umumnya, dialek Melayu Kedah dapat dikelompokkan kepada beberapa subdialek berdasarkan kawasan, antaranya subdialek Kedah Pesisir, Perlis-Pulau Langkawi, Kedah Utara dan Pulau Pinang (Asmah Haji Omar, 2008). Subdialek Melayu Kedah Utara merupakan ragam dialek Melayu tempatan yang dituturkan di empat buah daerah utama, iaitu Naka, Padang Terap, Sik dan Baling. Banyak pengkaji

mendakwa bahawa subdialek Kedah Utara ini memperlihatkan pengaruh dialek Melayu Patani (Abdul Karim Ismail, 1971; Abdullah Hassan, 1966; Asmah Haji Omar, 2008; Nur Faslin Sulaiman, 2015; Nur Syazwani Salam & Syarifah Raihan Syed Jaafar, 2019; Shuib Ismail, 1971; Umaiyyah Umar, 1999).

Dakwaan tentang kaitan antara subdialek Kedah Utara dengan dialek Melayu Patani ternyata ada asasnya. Dari segi geografi, ketiga-tiga daerah yang dikelompokkan sebagai kawasan subdialek Melayu Kedah Utara terletak berhampiran atau bersempadan dengan Thailand. Hipotesis yang ditampilkan dalam kajian yang dinyatakan ini ialah wujudnya kemungkinan penghijrahan beramai-ramai masyarakat dari kawasan selatan Thailand ke daerah tersebut. Penghijrahan yang terjadi itu menyebabkan berlakunya peresapan bahasa yang dituturkan oleh masyarakat di wilayah Patani ke dalam dialek Melayu tempatan di Baling, Sik, Naka dan Padang Terap. Selain itu, terdapat juga sarjana yang berpandangan bahawa dialek di daerah tersebut, terutamanya Baling, memperlihatkan pengaruh bahasa Thai (Asmah Haji Omar, 1979). Pengaruh yang dimaksudkan ini dapat dilihat melalui gejala aspirasi. Ciri aspirasi ditandai dengan kemunculan segmen hembusan selepas konsonan hentian tidak bersuara yang dilambangkan dengan [K<sup>h</sup>]; K = konsonan hentian tidak bersuara dan [h] sebagai lambang yang menandai gejala hembusan. Perbandingan data antara DHK dengan bahasa Thai ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Perbandingan data antara DHK dengan bahasa Thai.

Bahasa Melayu	DHK	Bahasa Thai
/ketumbar/	[p <sup>h</sup> aʔt <sup>h</sup> i ]	[phaʔchi ]
/guru/	[k <sup>h</sup> ru]	[k <sup>h</sup> ru]
/sosej/	[luʔt <sup>h</sup> inj]	[lūʔchín]
/datuk/	[t <sup>h</sup> ε]	[cha:y]
/segar/	[t <sup>h</sup> aʔoŋ]	[c <sup>h</sup> aʔum]

Menurut Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani dan Mohd Tarmizi Hasrah (2023), kewujudan aspirasi dalam DHK ini bersumberkan bahasa Tai-Kadai yang masuk menerusi dialek Melayu Patani. Dalam pengertian lain, denai yang dilalui oleh ciri aspirasi untuk masuk ke dalam DHK ini



ialah bahasa Thai > dialek Melayu Patani > DHK. Maka, contoh dalam Jadual 1 yang melibatkan ciri aspirasi ini sememangnya menyerlahkan kemungkinan tentang adanya hubungan antara dialek Melayu di kawasan hulu Kedah dengan bahasa Thai. Kesimpulan seperti ini juga terbias secara tidak langsung dalam tafsiran Hajek (2010) yang menyatakan bahawa aspirasi sebagai *areal feature* yang tersebar di bahagian utara Semenanjung dan masuk dari Thailand. Asas kemungkinan kewujudan pengaruh bahasa Thai tersebut dinilai berdasarkan keadaan geografi dan kependudukan persis seperti yang telah dinyatakan dalam beberapa perenggan yang lalu.

Sebelum melanjutkan perbincangan dengan lebih mendalam, perlu dijelaskan terlebih dahulu tentang penggunaan istilah Melayu Hulu Kedah atau DHK dalam kajian ini. Penggunaan istilah DHK ini berpandukan gagasan yang dibawa oleh tokoh sociolinguistik terkemuka dunia, iaitu Peter Trudgill, terutamanya menerusi Teori Tipologi Sociolinguistiknya (Trudgill, 2011). Teori ini menegaskan bahawa ciri linguistik di kawasan terpencil yang tidak atau kurang berkontak adalah berbeza berbanding dengan ciri linguistik yang terdapat di kawasan bandar yang tinggi intensiti kontakannya. Disebabkan oleh kedudukan dan keadaan geografinya yang dianggap pedalaman, kawasan terpencil yang dimaksudkan oleh Trudgill tersebut dapat diertikan sebagai kawasan hulu. Oleh itu, berdasarkan gagasan yang dibawa oleh Trudgill (2011) ini, istilah DHK digunakan bagi merujuk sebuah kawasan yang terpencil, hulu dan kurang berkontak.

Disebabkan oleh keterpencilan lokasinya, sudah pasti dialek di kawasan hulu menonjolkan ciri linguistik yang lebih kompleks dan purba berbanding dengan dialek yang dituturkan di kawasan hilir, bandar dan pekan. Ciri linguistik yang kompleks ini merujuk kewujudan ciri dan proses linguistik yang menyimpang daripada sistem linguistik piawai. Menurut Blevins (2008), perkara tersebut merujuk ciri dan proses linguistik yang tidak alamiah, iaitu memperlihatkan perubahan atau gejala yang menyimpang daripada dialek piawai. Ciri linguistik purba pula bermaksud sistem linguistik yang dimiliki oleh dialek yang dituturkan di kawasan hulu yang mengekalkan sistem linguistik bahasa purba.

Kewujudan ciri fonologi yang kompleks (antaranya pendiftongan lanjutan) dan purba (antaranya pengekal vokal tinggi) di Hulu Terengganu dan Hulu Tembeling (iaitu pendiftongan konsonantal, pengekal vokal tinggi dan perubahan nasal akhir kepada konsonan

hentian) (Collins, 1996, 1998; Mohd Tarmizi Hasrah, 2022) misalnya, menjadi bukti ampuh yang dapat menegaskan hakikat bahawa sistem fonologi dialek di kawasan hulu lebih rencam dan kompleks berbanding dengan dialek di kawasan hilir. Kerencaman dan kompleksiti tersebut menjadikannya terlalu menarik untuk dikaji, terutama bagi menguji teori penyebaran dan pengelompokan dialek Melayu yang sedia ada.

Jika dialek hulu yang dituturkan di kawasan terpencil dan pedalaman adalah sebagaimana yang dianjurkan dalam Teori Tipologi Soslolinguistik, timbul persoalan tentang pertuturan dialek di kawasan hilir. Kajian ini menerapkan perspektif yang agak bersahaja dalam takrifannya, iaitu dengan merujuk konsep dialek hilir sebagai mewakili dialek Melayu Kedah piawai yang ciri linguistiknya telah diperikan secara rinci oleh Asmah Haji Omar (2008). Alasan untuk menyamakan dialek Melayu Kedah piawai sebagai dialek hilir adalah semata-mata *ad hoc*. Penyamaan ini sekadar untuk menjelmakan aspek pertentangan makna dengan istilah “hulu” yang ditautkan pada DHK. Hal ini bermakna, jika dialek hulu dituturkan di kawasan terpencil dan pedalaman, dialek hilir merupakan dialek yang dituturkan di kawasan pusat untuk budaya, politik dan sosial bagi cabang dialek Melayu Semenanjung Utara.

## **METODOLOGI**

Kajian ini berbentuk kualitatif. Reka bentuknya melibatkan temu bual informan di lapangan bagi tujuan pencuplikan data dan analisis yang berpandukan pendekatan atau teori tertentu. Maka, beberapa perkara penting perlu diperincikan dalam bahagian metodologi bagi memastikan reka bentuk kajian dituruti dengan jayanya.

### **Kajian Lapangan**

Data DHK dikumpulkan secara spesifik di daerah Baling menerusi beberapa kunjungan ke lapangan secara berkala pada bulan Oktober 2020 hingga Mei 2022. Kunjungan ini melibatkan lapan buah kampung di sekitar daerah Baling. Kaedah penentuan kampung tersebut dilakukan secara rawak berpandukan prinsip persampelan bola salji (*snowball*), iaitu menerusi pertanyaan kepada penduduk kampung tentang kawasan yang dialeknnya lebih “pekat”? Jawapan yang diberikan oleh penduduk kampung ini menjadi panduan bagi penentuan pemilihan kampung yang dikunjungi, iaitu kampung Charuk Kangar, kampung Pak Bong dan kampung Carok Ramba.

## **Informan**

Semua kampung yang dikunjungi melibatkan temu bual dengan dua orang informan (seorang lelaki dan seorang perempuan). Pemilihan informan adalah menerusi kriteria lazim dalam kajian dialek yang diakronimkan dengan NORM/F (*non-mobile, old, rural, male/female*) (Chambers & Trudgill, 1998). Namun begitu, penyesuaian dilakukan terhadap dua kriteria, iaitu *non-mobile* dan *old*. Untuk kriteria *non-mobile*, penyesuaian dilakukan disebabkan oleh keadaan masyarakat kontemporari yang lebih *mobile* berbanding dahulu, termasuklah masyarakat di Baling. Oleh itu, bagi menemukan informan yang *non-mobile* pada zaman ini ialah hal yang agak mustahil. Bagi kriteria *old* pula, informan yang muda secara relatifnya lebih mudah memahami tujuan kajian berbanding dengan informan tua. Oleh itu, lebih mudah untuk mencuplik data daripada informan muda. Selain NORM/F, kajian ini juga mengambil pendekatan yang agak sederhana dalam hal pemilihan informan, iaitu menemu bual (i) penduduk tempatan yang (ii) sempurna alat artikulasi dan (iii) yang sudi bekerjasama (Asmah Haji Omar, 2015) walaupun tidak seluruhnya memenuhi kriteria NORM/F.

## **Teknik Temu Bual, Daftar Kata dan Soal Selidik**

Bagi tujuan pencuplikan data, pengkaji menggunakan teknik temu bual dengan memanfaatkan instrumen soal selidik (untuk data naratif) dan instrumen daftar kata (untuk data leksikal) bagi mencungkil data DHK secara menyeluruh.

Penerapan teknik soal selidik adalah untuk mengumpulkan data naratif atau perbualan. Soal selidik adalah berbentuk tema pertanyaan secara umum. Menerusi teknik ini, informan diminta untuk bercerita tentang kehidupan sehariannya. Selain cerita yang bersifat umum, pertanyaan tentang kisah yang menyentuh emosi informan turut diajukan. Emosi dalam konteks ini merujuk emosi marah, sedih, kelakar dan lain-lain. Pertanyaan bagi menjelmakan emosi penutur dilakukan berpandukan fakta bahawa apabila informan berada dalam keadaan yang beremosi, maka dialek informan lebih bersifat alamiah dan bersahaja tanpa dipengaruhi oleh bahasa piawai.

Walau bagaimanapun, pertanyaan tentang emosi tidak sewenang-wenangnya menyentuh sensitiviti informan, sebaliknya dikawal sekadar untuk menjelmakan emosi yang sesuai dan tidak mengganggu psikologi informan yang boleh menggagalkan proses pencuplikan data. Antara

perkara beremosi yang ditanya termasuklah pengalaman pahit dalam kehidupan, seperti diuji banjir besar yang melanda Kedah pada penghujung tahun 2018, atau yang terbaharu ialah kesan pandemik COVID-19 terhadap sosioekonomi dan kehidupan seharian.

Kaedah temu bual kedua digunakan untuk mencungkil item leksikal dalam daftar kata. Kaedahnya dilakukan menerusi pertanyaan kata demi kata. Bagi daftar kata, makalah ini menjadikan daftar kata Swadesh (1951) sebagai asas. Daftar kata asas Swadesh yang mengandungi sebanyak 200 item ditambah dengan 443 item leksikal baharu yang bercirikan sekitaran yang sesuai dengan keadaan Alam Melayu. Hal ini menjadikan daftar kata asas yang digunakan di lapangan berjumlah 643 item leksikal. Data yang diperolehi dirakam dan ditranskripsikan menggunakan lambang fonetik antarabangsa (IPA), seterusnya diteliti dan dicerakinkan satu per satu bagi menyembulkan ciri fonologi khas yang dimiliki oleh DHK.

Selain pengumpulan data di lapangan, pengkaji turut memanfaatkan hasil penelitian beberapa kajian lepas. Hal ini dilakukan bagi tujuan mengukuhkan dapatan makalah menerusi perbandingan antara dialek. Penelitian terhadap kajian lepas yang dimaksudkan termasuklah pencungkilan maklumat yang terkandung dalam Asmah Haji Omar (2008), Nur Habibah Che Rosdi dan Rahim Aman (2020), Nur Habibah Che Rosdi et al. (2023) dan Shahidi A. Hamid (2009).

### **Analisis Data**

Dari segi analisis pula, kajian ini menerapkan pendekatan dialektologi diakronik (Mahsun, 1995). Yang ditekankan dalam pendekatan ini ialah penentuan ciri khas DHK melalui dua tahap perbandingan. Tahap pertama ialah perbandingan diakronik dengan bahasa Malayik Purba (BMP) berdasarkan rekonstruksi Adelaar (1992) dan *Austronesian Comparative Dictionary* oleh Blust dan Trussel (2013). Perbandingan ini dilakukan bagi mengenal pasti inovasi dan pengekalan yang terjadi dalam DHK. Berkaitan dengan perbandingan ini, jika segmen bunyi dalam DHK menunjukkan perbezaan dengan segmen bunyi BMP, maksudnya segmen bunyi DHK telah berinovasi. Sebaliknya, jika serupa dengan BMP, maka berlaku pengekalan terhadap segmen bunyi DHK.

Tahap kedua pula ialah perbandingan sinkronik antara DHK dengan dialek semasa. Perbandingan sinkronik dilakukan untuk mengesan persamaan dan perbezaan dari segi ciri linguistik antara DHK dengan

dialek semasa yang dibandingkan. Tujuan perbandingan tahap kedua adalah untuk menonjolkan kemandirian DHK dan dialek yang ada dalam cabang Semenanjung Utara.

Perbandingan diakronik dan sinkronik ini pada akhirnya adalah untuk membolehkan pengelompokan dialek dilakukan yang berakhir dengan penggaluran salasilah dan hubungan antara dialek yang terlibat.

### **Pengelompokan**

Tatacara pengelompokan DHK adalah menurut Crowley dan Bower (2010) yang menegaskan bahawa pengelompokan bahasa atau dialek perlu diasaskan berdasarkan konsep inovasi bersama. Konsep ini merujuk sebarang perubahan yang dialami oleh sistem linguistik bahasa dan dialek semasa berbanding dengan sistem linguistik induknya. Dalam kajian ini, inovasi bersama yang membolehkan pengelompokan DHK dibataskan pada aspek fonologi sahaja. Menurut Crowley dan Bower (2010) lagi, hasil pengelompokan perlu digambarkan sekurang-kurangnya menerusi model rajah pohon. Walaupun banyak kritikan dilontarkan terhadap model tersebut, pengkaji berpendirian bahawa bayangan hubungan dialek yang dimanifestasikannya masih berupaya menyerlahkan hakikat kekerabatan dan difusi DHK.

### **Konvensi Lambang**

Konvensi lambang dan singkatan yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti yang berikut: \* = fonem purba; > = berubah menjadi; < = diturunkan daripada; [] = realisasi fonem; / = sempadan bunyi; # = persekitaran akhir sebelum kesenyapan; Ø = pengguguran segmen; K = konsonan; V = vokal; N = nasal; F- = posisi awal; -F- = posisi antara vokal; -F = posisi akhir.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Bahagian ini membincangkan ciri fonologi DHK dan perbezaannya dengan dialek Melayu Kedah piawai. Selain itu, perbincangan turut mengupas pengelompokan baharu DHK dan kelainannya dengan pengelompokan sedia ada.

### **Ciri Fonologi Dialek Melayu Hulu Kedah**

Beberapa ciri fonologi DHK yang melibatkan vokal, konsonan dan diftong dibincangkan dalam bahagian ini. Penentuan ciri fonologi ini dilakukan

berdasarkan inovasi bersama dan/atau pengejalan segmen bunyi yang kewujudannya dikesan menerusi kedua-dua tahap perbandingan, iaitu perbandingan sinkronik dan perbandingan diakronik.

Dengan berdasarkan data yang diperoleh di lapangan yang disokong oleh pemerian ciri linguistik yang dimuatkan dalam beberapa kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas, dapat dirumuskan beberapa ciri khas yang dimiliki oleh DHK. Ciri khas tersebut juga berfungsi sebagai ciri pembeza antara DHK dengan dialek Melayu Hilir Kedah dan menjadi pemisah antara dialek yang dituturkan di kedua-dua kawasan. Subbahagian selanjutnya membincangkan secara terperinci ciri linguistik yang dikesan ini.

### *Penyatuan Nasal Akhir Kata*

Antara ciri paling menonjol dalam DHK termasuklah penyatuan konsonan nasal pada akhir kata, dan ciri ini dapat diungkapkan menerusi perubahan yang berikut:

$$\text{BMP } *{-m, *{-n, *{-ŋ} > \text{DHK } [-ŋ] / \_\_\#$$

Dengan berpandukan data Kupang, contoh leksikal yang mematuhi perubahan ini dipaparkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Contoh leksikal yang mengalami proses penyatuan konsonan nasal pada akhir kata di Kupang.

BMP	Kupang
*taŋan	[taŋaŋ]
*tikaŋ	[tikaŋ]
*taŋiŋ	[taŋiŋ]
*kawaŋ	[saŋ]
*buŋuŋ	[buŋoŋ]
*jaŋum	[dzaŋuŋ]
*daŋ	[daŋ]

Contoh data Kupang ini menunjukkan bahawa konsonan nasal akhir dalam semua lingkungan direalisasikan kepada [ŋ]. Dari satu segi, gejala penyatuan nasal akhir bukanlah gejala linguistik yang asing dalam

dialek Melayu, sama ada di Semenanjung mahupun di Nusantara secara keseluruhannya. Hal ini dikatakan demikian kerana gejala yang serupa turut direkodkan di banyak lokasi, antaranya di Terengganu dan di Hulu Terengganu (Collins, 1983a, 1986; Mohd Tarmizi Hasrah, 2022). Malah, ciri yang serupa turut dikesan dalam bahasa Melayu Ambon (Takarian & Pieter, 1998; Van Minde, 1997).

Dari segi yang lain pula, khususnya dalam konteks dialek Melayu Terengganu dan Hulu Terengganu, termasuklah bahasa Melayu Ambon, penyatuan nasal akhir terjadi secara nalar dalam semua persekitaran fonetik. Di Baling, penyebaran ciri penyatuan nasal adalah tidak meluas. Hal ini disebabkan oleh terdapatnya varian yang menunjukkan pengguguran nasal dalam lingkungan tertentu seperti yang diperlihatkan menerusi data Bongor. Dalam varian ini, BMP \*-am, \*-an, \*-aŋ > [-ɛ]. Contoh datanya dapat dilihat dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Contoh leksikal yang mengalami pengguguran konsonan nasal pada akhir kata di Bongor.

BMP	Bongor
*gayam	[gayɛ]
*taŋan	[taŋɛ]
*bəyənəŋ	[bəyənɛ]
*təyəbəŋ	[təyubɛ]

Akan tetapi, di Bongor, ada kekecualian lain juga, yakni BMP \*-m, \*-n, \*-ŋ > [-ŋ] dalam lingkungan yang dihadiri oleh vokal tinggi sebelum nasal. Contoh datanya dapat dilihat dalam Jadual 4.

**Jadual 4** Contoh leksikal yang mengalami pengekalan konsonan nasal pada akhir kata yang mengikuti vokal tinggi di Bongor.

BMP	Bongor
*jantun	[dʒa:ton]
*tayin	[tayin]
*kucin	[kutʃin]
*cium	[tʃiʏun]

Walaupun penyatuan nasal akhir DHK tidak seperti dialek Melayu Terengganu, hakikatnya ialah inovasi yang menyatukan BMP \*-m, \*-n dan \*-ŋ kepada [-ŋ] ini boleh juga dianggap sebagai ciri khasnya. Hal ini dikatakan demikian kerana ciri tersebut tidak wujud dalam dialek Melayu Kedah yang piawai. Selain Baling, kawasan hulu Perak Utara juga merekodkan gejala penyatuan nasal akhir yang serupa (Nur Habibah Che Rosdi & Rahim Aman 2020; Nur Habibah Che Rosdi et al., 2023), seterusnya menegaskan keakraban antara kedua-dua dialek hulu di bahagian utara Semenanjung ini.

Keterbatasan lingkungan DHK dapat dilihat dengan lebih terperinci apabila perubahan BMP \*-m, \*-n dan \*-ŋ kepada [-ŋ] ini menyerupai gejala nasal akhir dalam dialek Melayu Hulu Kelantan. Dalam dialek yang dituturkan di lembangan Sungai Nenggiri tersebut, nasal akhir BMP dalam urutan \*-an berubah menjadi [-aŋ] (Mohd Tarmizi Hasrah, 2020). Contoh leksikal yang mengalami penyatuan nasal akhir dalam dialek Hulu Kelantan ini dapat diperhatikan dalam Jadual 5.

**Jadual 5** Contoh leksikal yang mengalami proses penyatuan konsonan nasal akhir dalam dialek Hulu Kelantan.

BMP	Dialek Hulu Kelantan
*makan	[makaŋ]
*ikan	[ikaŋ]
*hujan	[udʒaŋ]
*malam	[malaŋ]
*ayam	[ayaŋ]
*təŋgelam	[tə:gəlaŋ]
*bayaŋ	[bayaŋ]
*pisaŋ	[pisaŋ]

Persamaan seperti ini, yang melibatkan dua dialek yang dituturkan di dua buah lokasi yang berjauhan, satu di timur dan satu lagi di utara, sudah pastinya menimbulkan persoalan teoretis yang menarik dan mencabar untuk ditangani. Antara persoalan yang dimaksudkan termasuklah hubungan dialek di kawasan hulu dan kawasan terpencil atau kawasan yang kurang kontak manusiawinya di Semenanjung dengan trajektori



perubahan dialek yang memperlihatkan pengejalan, pengguguran atau penyatuan sistem nasal pada posisi akhir. Selain itu, timbul juga persoalan tentang kebenaran bahawa dialek di kawasan hulu dan kawasan terpencil menunjukkan jalur perubahan nasal pada akhir kata yang berbeza daripada dialek yang terdapat di hilir dan kawasan pekan atau bandar. Jika benar, timbul pula persoalan tentang kemungkinan untuk membangunkan model dalam trajektori berkenaan bagi menjelaskannya secara berpada. Model berkenaan mungkin dapat dihubungkan dengan isu “pinggir lawan pusat” seperti yang pernah ditimbulkan oleh Andersen (1988), seterusnya dapat diterapkan dalam konteks kajian dialektologi di wilayah penyebaran kelompok Malayik. Selain itu, model berkenaan mungkin turut mampu meramal perubahan dan pengejalan dialek Melayu yang bakal berlaku pada masa hadapan agar implikasi teoretisnya dapat diperhalus dengan saksama.

### ***Realisasi Vokal Sebelum Konsonan***

Dalam subbahagian ini pula, dipaparkan perilaku vokal sebelum konsonan. Realisasinya dalam DHK didapati sangat rencam. Secara umumnya, terdapat tiga struktur asas bagi suku kata akhir DHK, iaitu -KVK, -VK dan -KV. Perbincangan ini memberikan penekanan khusus terhadap struktur -VK dan -V bagi membongkar tabii proses fonologi yang terjadi terhadap segmen vokal yang terlibat. Analisis proses fonologi tertumpu pada refleks yang terhasil daripada konstruksi \*-Vp, \*-Vt, \*-Vk, \*-Vs dan \*-Vh.

### **Vokal Sebelum Konsonan Letupan**

Rumusan berkenaan refleks vokal BMP \*i, \*a dan \*u sebelum konsonan letupan adalah seperti yang berikut:

- i. Vokal BMP \*a yang hadir sebelum konsonan letupan BMP \*p, \*t dan \*k memperlihatkan beberapa perubahan, iaitu:
  - a. Vokal \*a sebelum \*p kekal sebagai [a]. Sebagai contoh, [ataʔ] “atap” dan [asaʔ] “asap”.
  - b. Vokal \*a sebelum \*t juga direalisasikan sebagai [a]. Contohnya, [uʔaʔ] “urat” dan [bəʔaʔ] “berat”.
  - c. Vokal \*a sebelum \*k muncul dalam beberapa fon, iaitu [ɛ], [ɔ] dan [a]. Sebagai contoh, [ɔtəʔ] ~ [utaʔ] ~ [ɔtəʔ] “otak”.
- ii. Vokal BMP \*i yang hadir sebelum konsonan letupan BMP \*p, \*t dan \*k muncul dalam dua gejala, iaitu:

- a. Vokal \*i sebelum konsonan \*p kekal sebagai [i] dalam semua varian DHK yang dikaji. Sebagai contoh, [katʃiʔ] “kacip”.
  - b. Berbeza daripada konsonan letupan lain yang menunjukkan keseragaman, vokal \*i yang hadir sebelum konsonan \*k menunjukkan realisasi yang sedikit rencam. Hal ini terjadi apabila vokal \*i dalam semua varian direalisasikan dalam fon yang berbeza. Umpamanya, vokal \*i sebelum konsonan \*k berubah menjadi [aʔ] ~ [e]. Sebagai contoh, [dʒəteʔ] ~ [dʒ:ətəʔ] “jentik”.
- iii. Vokal BMP \*u yang hadir sebelum konsonan letupan BMP \*p, \*t dan \*k hadir dalam keadaan yang berikut:
- a. Vokal \*u sebelum konsonan \*p menjadi [ɔ] dalam semua varian DHK yang direkodkan di lapangan. Hal yang sama turut berlaku pada kedudukan sebelum konsonan BMP \*k, yakni vokal BMP \*u turut berinovasi kepada [ɔ]. Sebagai contoh, [tutɔʔ] “tutup” dan [ɣusɔʔ] “rusuk”.
  - b. Walau bagaimanapun, keadaan sedikit berbeza pada kedudukan sebelum konsonan \*t yang memperlihatkan sedikit keragaman. Dalam hal ini, vokal \*u berubah menjadi [ɔ] ~ [ɔʷ]. Sebagai contoh, [pəɣɔʷʔ] ~ [pʷɣɔʔ] “perut”.

### **Vokal Sebelum Konsonan Geseran**

Rumusan berkenaan refleks vokal BMP \*i, \*a dan \*u sebelum konsonan letupan adalah seperti yang berikut:

- i. Vokal BMP \*i yang hadir sebelum konsonan \*s dan \*h memperlihatkan gejala seperti yang berikut:
  - a. Vokal \*i sebelum konsonan \*s mengalami perendahan kepada [e]. Sebagai contoh, [iɤeç] “hiris” dan [bətɤh] “betis”.
  - b. Vokal \*i sebelum \*h menjadi [e] ~ [i]. Sebagai contoh, [putih] ~ [putɤh] “putih”.
- ii. Vokal BMP \*a sebelum konsonan BMP \*s dan \*h memperlihatkan gejala seperti yang berikut:
  - a. Vokal \*a sebelum \*s direalisasikan sebagai [a]. Sebagai contoh, [panaç] ~ [panah] “panas” dan [lipaç] ~ [lipah] “lipas”.
  - b. Vokal \*a sebelum \*h mengalami penengahan kepada [ɤ]. Sebagai contoh, [ɣumɤh] “rumah” dan [dayɤh] “darah”.
- iii. Vokal BMP \*u yang hadir sebelum konsonan BMP \*s dan \*h, memperlihatkan gejala seperti yang berikut:

- a. Vokal \*u sebelum \*s direalisasikan sebagai [o] ~ [u]. Sebagai contoh, [aɣoç] ~ [aɣuç] “arus” dan [tikoç] ~ [tikuç] “tikus”.
- b. Vokal \*u sebelum \*h direalisasikan sebagai [ɔ] ~ [u]. Sebagai contoh, [paɣɔh] ~ [paɣuh] “paruh”.

Rumusan yang dapat dihasilkan tentang perubahan yang melibatkan vokal DHK ialah terdapat perbezaan dalam realisasi vokal yang mengikuti konsonan [ $\pm$ koronal]. Sebagai contoh, realisasi vokal yang mengikuti konsonan [+koronal], khususnya [p], [t] dan [s], kekal dalam bentuk asalnya atau mengalami perendahan secara bervariasi bebas. Vokal yang mengikuti konsonan [-koronal], iaitu [k] dan [h], pula mengalami pembelakangan menjadi [ɐ], serta perendahan untuk menjadi [ɔ]. Perbezaan realisasi vokal yang mengikuti konsonan [ $\pm$ koronal] ini menunjukkan sedikit persamaan dengan dialek Melayu di sepanjang lembangan Sungai Pahang (Collins, 1983b; Mohd Tarmizi Hasrah et al., 2014). Yang berbeza hanyalah bentuk vokal yang direalisasikan. Di lembangan Sungai Pahang, realisasi vokal melibatkan dua proses, iaitu perendahan dan pendepanan. Perendahan terjadi pada vokal [+depan], manakala pendepanan terjadi pada vokal [-depan] atau vokal belakang. Dalam dialek di lembangan Sungai Pahang juga, perbezaan realisasi vokal ini berlaku dalam semua sistem konsonan [ $\pm$ koronal], iaitu sistem letupan, geseran, nasal dan sisan. Dalam DHK, prosesnya terbatas pada sistem tertentu dengan realisasi vokal yang lebih beragam, tetapi bervariasi bebas. Walau bagaimanapun, perbezaan realisasi vokal seperti ini tidak muncul dalam dialek Melayu Kedah dan hal ini membezakannya daripada DHK.

### ***Pengguguran Konsonan Sisian BMP \*l pada Akhir Kata***

Konsonan sisian tetap dikekalkan dalam DHK. Walaupun begitu, pengekal BMP \*l ini tidak terjadi dalam semua lingkungan. Pengekal \*l hanya berlaku pada posisi awal dan posisi antara vokal. Pada posisi akhir kata pula, konsonan BMP \*l ini digugurkan. Pengguguran yang dimaksudkan ini digambarkan menerusi perubahan yang berikut:

BMP \*l > DHK Ø / \_\_ #

Contoh leksikal yang mematuhi perubahan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 6.

**Jadual 6** Contoh leksikal yang mengalami proses pengguguran konsonan sisian pada akhir kata.

BMP	DHK
*akal	[aka]
*tumpul	[tup <sup>h</sup> o]
*caṅkul	[tʃa:ko]
*kancil	[ka:tʃe]
*bantal	[ba:ta]
*təbal	[təba]

Tidak hanya di Hulu Kedah yang melibatkan kawasan Baling, Sik, Padang Terap dan Kuala Nerang, ciri fonologi seperti ini turut muncul dalam dialek Melayu Hulu Perak Utara (Nur Habibah Che Rosdi & Rahim Aman, 2020; Nur Habibah et al., 2023) dan ciri ini meneguhkan keakraban hubungan dialek ini. Akan tetapi, pengguguran \*l pada posisi akhir kata bukanlah ciri yang aneh dalam dialek Melayu Semenanjung. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan dialek cabang Semenanjung Timur juga turut menggugurkan konsonan sisian akhir (Mohd Tarmizi Hasrah, 2022). Maksudnya ialah pengguguran konsonan sisian pada posisi akhir kata merupakan inovasi bersama yang muncul dalam dialek Melayu di Semenanjung.

### ***Pengguguran Konsonan Geseran Velar BMP \*ɣ pada Akhir Kata***

Di Baling, secara umumnya, konsonan geseran velar BMP \*ɣ digugurkan pada posisi akhir kata. Pengguguran ini mengubah ciri vokal yang mengikutinya. Contoh leksikal yang memperlihatkan pengguguran BMP \*ɣ ini terkandung dalam Jadual 7.

**Jadual 7** Contoh leksikal yang mengalami proses pengguguran geseran velar pada akhir kata.

BMP	DHK
*akay	[akɛ]
*bakay	[bakɛ]
*lapay	[lapɛ]
*ulay	[ulɛ]
*təloy	[təlo] ~ [təlo]
*tiduy	[tido] ~ [tido]
*hiliy	[ile] ~ [ilɛ]

Dengan berdasarkan contoh yang diberikan ini, vokal BMP yang mengikuti konsonan geseran velar bersuara memperlihatkan perubahan seperti yang berikut:

- BMP \*iy > DHK [e], [ɛ]
- BMP \*uy > DHK [o], [ɔ]
- BMP \*ay > DHK [ɛ]

Cerapan yang lebih terperinci terhadap data terkumpul menunjukkan realisasi [e] ~ [ɛ] dan [o] ~ [ɔ] tidak dipengaruhi oleh faktor lingkungan fonetik, sebaliknya bersifat sporadik. Hal ini bermaksud, terdapat varian yang memperlihatkan bentuk [o] dan [ɔ] sebagai realisasi vokal dalam etimon purba yang berakhir dengan urutan \*-uy, serta bentuk [e] dan [ɛ] bagi vokal dalam etimon purba dalam urutan \*-iy. Terkait dengan ciri ini juga, kenyataan lainnya ialah dialek Melayu Hulu Perak Utara turut memperlihatkan pengguguran geseran velar BMP \*y pada posisi akhir kata yang mengubah nilai vokal seperti yang terjadi dalam DHK. Yang membezakan dialek Melayu Hulu Perak Utara dengan DHK hanyalah realisasi fonemnya. Contoh yang diambil daripada Nur Habibah Che Rosdi et al. (2023) bagi menggambarkan gejala yang dimaksudkan dapat dilihat dalam Jadual 8.

**Jadual 8** Contoh leksikal yang mengalami proses pengguguran geseran velar pada akhir kata di Hulu Perak.

BMP	Dialek Hulu Perak
*bakay	[baka]
*akay	[aka]
*deɲey	[dɔŋa]
*tɔluy	[telo]
*ikuy	[eko]

Dengan berdasarkan contoh yang diberikan ini, perbezaan yang jelas antara dialek Melayu Hulu Perak Utara dengan Baling terletak pada realisasi \*a dalam urutan \*-ay. Dalam realisasi ini, dialek Melayu Hulu Perak Utara memperlihatkan persamaan dengan dialek Melayu Kelantan yang turut mengekalkan realisasi [a] (Ajid Che Kob, 1985; Mohd Tarmizi Hasrah, 2022; Wu, 2023). Dialek di Baling pula mempunyai persamaan dengan dialek Melayu Pahang (Mohd Tarmizi Hasrah, 2022) dan dialek Melayu Terengganu (Wu, 2023). Walaupun terdapat perbezaan dari segi realisasi vokal, semua dialek yang dibandingkan ini menggugurkan konsonan \*ɣ pada posisi akhir kata.

***Pengguguran Konsonan BMP \*h pada Awal Kata***

Dalam DHK, konsonan BMP \*h hadir dalam semua lingkungan leksikal kecuali pada posisi awal kata. Kekecualian pada kedudukan ini secara tidak langsung membenarkan generalisasi yang pernah dilakukan oleh Nothofer (1996). Dalam kajiannya itu, Nothofer menyatakan bahawa kebanyakan dialek Melayu menggugurkan \*h pada kedudukan awal kata. Antara contoh yang diberikan oleh Nothofer termasuklah dialek Melayu Bangka yang secara konsisten menggugurkan \*h. Selain itu, dialek turunan daripada dialek Hulu Semenanjung Timur purba yang direkonstruksi oleh Mohd Tarmizi Hasrah (2022) turut memperlihatkan kewujudan generalisasi yang serupa dengan Nothofer, bahkan lebih kompleks dengan pengguguran dan pengekalan \*h pada posisi antara vokal yang dipengaruhi oleh faktor lingkungan fonetik. Dalam konteks DHK, contoh pengguguran BMP \*h pada posisi yang dibincangkan ini dapat dilihat dalam Jadual 9.

**Jadual 9** Contoh leksikal yang mengalami proses pengguguran \*h pada posisi awal kata.

BMP	DHK
*hijaw	[idʒa]
*hiyup	[iyuʔ]
*hiris	[iyih]
*hilaŋ	[ilaŋ]
*hidap	[idaʔ]

Secara amnya, DHK menggugurkan BMP \*h pada posisi awal kata secara konsisten tanpa memperlihatkan kewujudan pengaruh lingkungan fonetik seperti yang berlaku di Semenanjung Timur. Namun begitu, perubahan ini tidak berlaku dalam dialek Melayu Hulu Perak Utara seperti yang direkodkan oleh Nur Habibah Che Rosdi dan Rahim Aman (2020), serta Nur Habibah Che Rosdi et al. (2023). Menurut pengkaji ini, dialek Melayu Hulu Perak Utara mengekalkan konsonan BMP \*h pada posisi awal kata seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10.

**Jadual 10** Contoh leksikal yang mengalami proses pengekalan \*h pada posisi awal kata di Hulu Perak.

BMP	Dialek Hulu Perak
*hatəp	[hataʔ]
*hagas	[hagaç]
*hitem	[hitaŋ]

Walaupun dialek Melayu Hulu Perak Utara memperlihatkan kehadiran BMP \*h pada posisi ini, realisasinya bersifat sporadik. Maknanya, penyebaran \*h yang muncul dalam varian dialek Melayu Hulu Perak Utara tidak konsisten, iaitu ada varian yang memperlihatkan kehadiran \*h pada posisi ini dan ada yang tidak. Sifatnya yang sporadik itu memungkinkan persamaannya dengan gejala di Baling tidak dapat ditolak.

***Pemonoftongan dan Pendiftongan Vokal Tinggi***

Diftong merupakan gejala linguistik yang wujud dalam bahasa Melayu dan kebanyakan dialek Melayu. Walau bagaimanapun, gejala ini tidak muncul dalam DHK. Hal ini dikatakan demikian kerana diftong yang ada dalam bahasa Melayu berubah menjadi monoftong dalam DHK. Perubahan diftong kepada monoftong ini berlaku disebabkan oleh proses penyingkatan diftong (pemonoftongan). Proses ini merujuk proses linguistik yang menyingkatkan diftong asal yang dibentuk oleh dua segmen vokal kepada satu segmen vokal sahaja, iaitu VV > V. Dalam DHK, gejala pemonoftongan digambarkan menerusi perubahan yang berikut:

BMP \*-ay > DHK [ɛ]

BMP \*-aw > DHK [ɔ]

Leksikal yang mewakili penyingkatan diftong asal dalam DHK ditunjukkan dalam Jadual 11.

**Jadual 11** Contoh leksikal yang mengalami proses penyingkatan diftong.

BMP	DHK
*misay	[mise]
*lantay	[late]
*tupay	[tupe]
*pɔtay	[pɔte]
*limaw	[limɔ]
*pisaw	[pisɔ]
*kəybaw	[kə:bɔ]

Contoh leksikal dalam Jadual 10 menunjukkan gejala pemonoftongan yang berlaku apabila segmen diftong BMP \*-aw dan \*-ay berubah kepada [-ɔ] dan [-ɛ], masing-masing. Pemonoftongan dalam DHK berbeza, umpamanya dengan cabang dialek Semenanjung Timur, khususnya dialek Melayu Kelantan dan Terengganu yang menyatukan kedua-dua diftong BMP kepada [a] (Mohd Tarmizi Hasrah, 2018). Dalam DHK, diftong BMP \*ay dan \*aw direalisasikan kepada [ɛ] dan [ɔ], masing-masing. Pemonoftongan seperti dalam DHK ini menunjukkan persamaan dengan dialek Melayu Hulu Perak Utara yang turut memperlihatkan perubahan seperti yang berikut:



BMP \*-ay > [-ɛ]

BMP \*-aw > [-o]

Ketiadaan diftong asal yang mengalami pemonoftongan menunjukkan DHK memiliki persamaan dengan dialek pantai timur Semenanjung, umpamanya dialek Melayu Hulu Terengganu (Collins, 1983a). Menurut Collins (1983a), dialek Melayu Hulu Terengganu tidak memiliki diftong kerana diftong asal turut mengalami gejala penyingkatan. Sebaliknya, dialek Melayu Hulu Terengganu memperlihatkan gejala yang diistilahkan sebagai pendiftongan vokal tinggi pada posisi suku kata akhir. Maksud pendiftongan vokal tinggi ini merujuk diftong dalam dialek Melayu Hulu Terengganu yang muncul daripada monoftong asal, iaitu daripada BMP \*i dan \*u, yang masing-masing ditokok dengan segmen geluncuran selepasnya sehingga menerbitkan [iy] dan [uw] bersekali dengan variasinya. Oleh sebab itulah definisi pendiftongan menurut Collins lagi, merupakan suatu proses linguistik yang mewujudkan diftong daripada bentuk monoftong yang asli persis seperti yang ditunjukkan dalam contoh realisasi itu.

Gejala pendiftongan yang dikupas ini ternyata wujud dalam DHK. Maka, DHK memiliki diftong yang berasal daripada monoftong purba. Berkaitan dengan perkara ini, vokal BMP \*-i dan \*-u direflekskan kepada [-iʏ] dan [-uʷ], masing-masing dalam semua varian yang dikaji, seperti yang diperlihatkan dalam Jadual 12.

**Jadual 12** Contoh leksikal yang mengalami proses pendiftongan vokal tinggi pada suku kata akhir.

BMP	DHK
*si-tu	[situʷ]
*labu	[labuʷ]
*batu	[batuʷ]
*kukuh	[kukuʷ]
*kayu	[kayuʷ]
*gigi	[gigiʏ]
*talih	[taliʏ]
*api	[apiʏ]

Gejala fonologi, seperti geluncuran vokal tinggi suku kata akhir terbuka dalam dialek Melayu memang telah banyak didokumentasikan oleh banyak pengkaji. Sebagai contoh, Collins pernah merekodkan gejala tersebut dengan menggunakan konsep pendiftongan dalam dialek Melayu Pahang varian Temerloh (1983b), varian Sungai Saribas (2016b), dialek Melayu Hulu Terengganu (1996) dan dialek Melayu Muar (1996). Selain Collins, Mohd Tarmizi Hasrah et al. (2014) juga ada mendokumentasikan gejala yang sama dalam dialek Melayu Hulu Pahang di Sungai Jelai. Tidak terkecuali, dialek Melayu di Hulu Perak Utara juga turut memperlihatkan gejala pendiftongan yang sama (Nur Habibah Che Rosdi & Rahim Aman, 2020). Hal ini bermaksud, gejala pendiftongan ini bukanlah ciri fonologi yang baharu muncul, tetapi telah lama direkodkan oleh banyak ahli dialektologi rumpun Melayu.

***Penyingkatan Nasal Homorgan***

DHK turut memperlihatkan kehadiran rangkap fonem, iaitu rangkap nasal-oral. Rangkap ini merujuk deretan konsonan yang muncul secara bersebelahan, iaitu yang terdiri daripada satu bunyi nasal dan satu bunyi oral tanpa disela oleh bunyi lain di antaranya (Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani, 2021). Dalam DHK, rangkap nasal-oral boleh dibahagikan kepada dua, iaitu (i) rangkap nasal + oral berhomorgan, dan (ii) rangkap nasal + oral tak berhomorgan. Kedua-dua nasal ini muncul dalam lapan varian DHK yang dikaji. Kehadirannya dapat dilihat menerusi contoh dalam Jadual 13.

**Jadual 13** Variasi nasal homorgan.

BMP	DHK
*rambut	[ɣambɔʔ] ~ [ɣambɔʔʔ]
*bəyanda	[byanda] ~ [byando]
*panjan	[paɲdʒaŋ] ~ [paɲdʒɛ]
*kənciŋ	[ke:tʃeŋ] ~ [kəɲtʃɛ]
*tanga	[taŋgɔ] ~ [taŋga]
*lantay	[la:tɛ] ~ [la:ta]
*baŋkay	[ba:kʰæ] ~ [ba:kʰɛ] ~ [ba:kʰe]

Contoh yang diberikan dalam Jadual 12 ini menunjukkan bahawa rangkap fonem yang membentuk urutan nasal homorgan mengandungi segmen bunyi yang berikut:

- i. NK [+suara] > NK [+suara]
- ii. NK [-suara] > ØK [-suara]

Dengan erti kata lain, pengekalan atau pengguguran segmen nasal bergantung pada ciri konsonan yang mengikutinya, iaitu sama ada yang berciri [+suara] atau [-suara]. Dalam hal ini, jika K = [+suara], yang dihasilkan ialah pengekalan nasal homorgan; jika K = [-suara], pengguguran nasal homorgan ialah natijahnya. Hal ini bermakna, DHK turut memperlihatkan penyingkatan dalam struktur nasal homorgan. Penyingkatan ini berlaku menerusi pengguguran konsonan nasal yang dilambangkan dengan N, yang hadir bersebelahan dengan konsonan letupan dan geseran [-suara]. Pengguguran nasal lazimnya menghasilkan pemanjangan segmen sebelumnya, iaitu yang ditandai dengan lambang [:] dalam contoh dalam Jadual 13.

Ciri yang ditunjukkan ini persis seperti dialek Melayu Kelantan (Ajid Che Kob, 1985; Mohd Tarmizi Hasrah, 2022; Wu, 2023), iaitu penyingkatan hanya melibatkan pengguguran nasal yang hadir bersebelahan dengan konsonan letupan dan geseran tak bersuara. Pengguguran segmen nasal dalam dialek tersebut turut meninggalkan ciri pemanjangan. Sebagai contoh, data yang dikumpulkan di Pasir Mas (Ajid Che Kob, 1985), Gaal (Mohd Tarmizi Hasrah, 2022) dan Tumpat (Wu, 2023) menunjukkan keberadaan leksikal yang dapat dilihat dalam Jadual 14.

Persamaan dari segi realisasi nasal homorgan ini tidaklah menghairankan. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat keakraban linguistik antara DHK dengan dialek Melayu dalam cabang Semenanjung Timur, khususnya dialek Melayu Patani. Tambahan pula, dialek Melayu Patani sememangnya banyak berkongsi ciri linguistik dengan DHK, terutamanya inovasi khusus dalam DHK, iaitu konsonan hentian tidak bersuara yang beraspirasi (Mohamad Khairulanwar Abdul Ghani & Mohd Tarmizi Hasrah, 2023). Walaupun begitu, pengelompokan yang mempertautkan dialek tersebut masih belum pernah diusahakan secara tuntas dengan menampilkan inovasi bersama yang lebih menyeluruh.

**Jadual 14** Contoh leksikal yang mempunyai ciri nasal homorgan dalam dialek Kelantan.

BMP	Dialek Kelantan
*caŋkul	[tʃa:ko]
*baŋkay	[ba:ka]
*lantay	[la:ta]
*santan	[sa:tɛ]
*tumpul	[tu:p <sup>h</sup> o]
*tampal	[tɛ:pɛʔ]
*tampar	[ta:pa]
*kənciŋ	[kə:tʃiŋ]
*paŋsa	[ppa:sɔ]

***Pengekalan Vokal Tinggi Suku Kata Praakhir***

Vokal tinggi BMP \*i dan \*u dalam dialek Melayu Semenanjung selalunya berubah kepada [e], [ɛ] dan [o], [ɔ], masing-masing, seterusnya mengesahkan teori pemecahan fonemik (Asmah Haji Omar, 2008). Dialek Melayu Kedah piawai atau dialek Melayu Hilir Kedah turut menjelmakan perubahan seperti ini, lantas menghasilkan lapan vokal dalam sistem fonologinya (Asmah Haji Omar, 2008). Akan tetapi, gejala dalam DHK berbeza daripada dialek Melayu Kedah piawai kerana dialek ini mengekalkan vokal BMP \*i dan \*u dalam suku kata praakhir. Contoh leksikal yang menunjukkan gejala ini ditunjukkan dalam Jadual 15.

**Jadual 15** Pengekalan vokal tinggi pada suku kata praakhir.

BMP	DHK
*uʔaŋ	[uʔaŋ]
*ma-iʔah	[miʔeh]
*ti(m)bak	[timbɛʔ]

Gejala pengekalan vokal tinggi BMP pada posisi suku kata praakhir sebenarnya sejalar sahaja dengan banyak dialek Melayu Semenanjung yang dituturkan di kawasan hulu dan pedalaman yang lain. Dialek Melayu Hulu Terengganu (Collins, 1983a; Mohd Tarmizi Hasrah, 2022), dialek Melayu Pulau Tioman (Collins, 1985), dialek Melayu Hulu Tembeling (Collins, 1998; Mohd Tarmizi Hasrah et al., 2013; Mohd Tarmizi Hasrah, 2022; Norshahila Mohamad Razak, 2012), dialek Melayu Pasir Raja (Mohd Tarmizi Hasrah, 2020) dan dialek Melayu Hulu Kelantan (Mohd Tarmizi Hasrah, 2022) merupakan antara dialek Melayu di Semenanjung yang mengekalkan vokal tinggi BMP \*i dan \*u dalam suku kata praakhir, sama seperti DHK. Pengekalan vokal tinggi BMP dalam dialek yang dinyatakan ini menunjukkan bahawa teori pemecahan fonemik bagi vokal purba tersebut wajar dilihat semula.

Walaupun terdapat usaha bagi menguji dan mengesahkan teori Asmah itu, misalnya oleh Collins (1983a) bagi dialek Melayu Hulu Terengganu dan Mohd Tarmizi Hasrah et al. (2013) bagi dialek Melayu Hulu Tembeling, penjelasan yang ditampilkan bagi menangani kewujudan vokal tinggi BMP dalam suku kata praakhir dialek tersebut terlalu rumit. Hal ini dikatakan demikian kerana pemecahan fonemik menegaskan pemecahan vokal tinggi BMP kepada [i], [e], [ɛ] dan [u], [o], [ɔ], dan kemudian penyatuan semula vokal ini kepada [i] dan [u] dalam dialek hulu. Namun begitu, bukti perbandingan dengan dialek Melayu lain, umpamanya dialek Melayu yang dituturkan di Sumatera, jelas menunjukkan bahawa tiada pemecahan fonemik, tetapi sekadar pengekalan vokal tinggi BMP. Tuntasnya ialah kewujudan vokal tinggi dalam DHK menjadikan dialek ini termasuk dalam dialek Melayu yang mengekalkan vokal purba BMP sebagaimana dialek hulu Semenanjung yang lain.

### ***Konsonan Beraspirasi***

Satu ciri menarik dalam DHK ialah aspirasi, iaitu ciri yang agak asing di Semenanjung. Dalam masa yang sama, ciri ini sukar dikesan kerana sering dikelirukan dengan bunyi konsonan yang utuh, memandangkan aspirasi hanyalah bunyi sekunder. Ciri aspirasi secara umumnya dianggap tidak hadir dalam subdialek Melayu Kedah yang lain (Asmah Haji Omar, 2008; Ruslan Uthai, 2011), dan hanya terdapat dalam varian Baling, Sik, Kuala Nerang dan Padang Terap. Ciri aspirasi juga muncul dalam dialek Melayu Hulu Perak Utara seperti yang direkodkan oleh Nur Habibah Che Rosdi dan Rahim Aman (2020). Meskipun status aspirasi hanyalah bertaraf fonetik, keberadaannya agak ketara walaupun sudah jarang-jarang

didengari dalam pertuturan seharian informan. Contoh konsonan hentian yang memperlihatkan ciri beraspirasi yang diujarkan di empat artikulator ditunjukkan dalam Jadual 16.

**Jadual 16** Contoh konsonan beraspirasi dalam DHK.

BMP	DHK
*pahit	[p <sup>h</sup> eʔ]
*pəcah	[p <sup>h</sup> ətʃəh]
*pahuq	[p <sup>hw</sup> oh]
*təndaŋ	[t <sup>h</sup> ənaŋ]
*taɣiŋ	[t <sup>h</sup> aɣiŋ]
*baliŋ	[t <sup>h</sup> ɔʔ]
*təkan	[tək <sup>h</sup> ən]
*paku	[pak <sup>h</sup> u <sup>w</sup> ]
*campak	[tʃ <sup>h</sup> apəʔ]
*cəkak	[tʃ <sup>h</sup> əkəʔ]
*cium	[tʃ <sup>h</sup> om]

Dalam DHK, kewujudan aspirasi ini sering dikaitkan dengan pengaruh pertembungan linguistik dengan bahasa Tai-Kadai. Aspirasi kemudiannya meresap ke dalam sistem fonologi DHK menerusi inovasi linguistik dalaman dan analogi. Namun begitu, pengaruh pertembungan linguistik ini tidak berlaku secara terus antara DHK dengan bahasa Tai-Kadai, sebaliknya melalui dialek Melayu Patani yang bertindak sebagai dialek perantara. Ciri aspirasi dikatakan menarik kerana mekanisme inovasi linguistik dalaman dan analogi telah menyebabkan dialek yang sejatinya tidak memilikinya, kemudian mendapat ciri tersebut sebagai sebahagian daripada sistem fonologinya.

Kewujudan ciri aspirasi membezakan DHK daripada dialek Melayu Kedah piawai yang tidak memilikinya. Bukan hanya dialek Melayu Kedah, malah dialek Melayu di Semenanjung yang lain pun demikian juga. Dengan berdasarkan data dalam Nur Habibah Che Rosdi et al. (2023), gejala konsonan yang beraspirasi juga tidak muncul dalam dialek

Melayu Perak Utara. Hal ini membuktikan bahawa aspirasi merupakan ciri khas DHK, khususnya dialek Melayu Baling.

### **Perbezaan antara Dialek Melayu Hulu Kedah dengan Dialek Melayu Kedah Piawai**

Perbincangan dalam bahagian lalu menunjukkan bahawa DHK berbeza daripada dialek Melayu Kedah piawai atau dialek Melayu Hilir Kedah. Perbezaan yang dimaksudkan ini dapat dirumuskan seperti yang berikut:

- i. Kebanyakan ahli dialektologi bersetuju bahawa realisasi BMP \* $\gamma$  dalam cabang dialek Melayu Semenanjung Utara ialah [ʁ] dan [ʕ], yakni [ʁ] pada posisi awal dan di antara vokal, manakala [ʕ] berada pada akhir kata sebelum kesenyapan; lihat antara lainnya Collins (1996) dan Asmah Haji Omar (2008). Realisasi ini dianggap ciri distingtif yang mendefinisikan cabang tersebut seperti ciri penyatuan nasal akhir kepada nasal velar yang mendefinisikan cabang Semenanjung Timur.  
Akan tetapi, sistem fonologi DHK berbeza daripada dialek Melayu yang bernaung di bawah cabang dialek Semenanjung Utara. Perbezaan ini terjadi apabila realisasi BMP \* $\gamma$  ialah pengekal dan inovasi sekali gus. Maksudnya, BMP \* $\gamma$  tetap muncul sebagai [ɣ] pada posisi awal dan di antara vokal. Pada posisi akhir kata sebelum kesenyapan, BMP \* $\gamma$  mengalami pengguguran seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 17.
- ii. Ciri kedua yang menjadi ciri khas bagi DHK ialah penyatuan nasal akhir BMP \* $m$ , \* $n$ , \* $\eta$  kepada [ŋ]. Penyatuan nasal akhir ini boleh dikatakan menjadi satu daripada ciri yang membezakan DHK daripada dialek Melayu Hilir Kedah.
- iii. Selain itu, perubahan nilai vokal BMP \* $a$  dalam urutan \*- $ay$  yang memperlihatkan bentuk [ɛ] juga menjadi fakta yang membezakan DHK daripada dialek Melayu Hilir Kedah. Hal ini dikatakan demikian kerana dialek Melayu Hilir Kedah tetap merealisasikan BMP \* $a$  dalam urutan \*- $ay$  sebagai [a].
- iv. Data yang dikumpulkan di lapangan ternyata memperlihatkan adanya proses pemonoftongan dalam DHK yang berbeza daripada dialek di kawasan hilir. Dalam hal ini, diftong BMP \* $aw$  dan \* $ay$  disingkatkan kepada [ɔ] dan [ɛ], masing-masing.
- v. Pengguguran konsonan BMP \* $h$  pada awal kata merupakan ciri pembeza lain yang memisahkan DHK daripada dialek Melayu Hilir Kedah. Walaupun data yang direkodkan oleh Asmah Haji Omar

(2008) memperlihatkan gejala serupa, iaitu BMP \*h digugurkan pada awal kata, terdapat kekecualian kerana konsonan \*h pada posisi ini hanya digugurkan jika diikuti oleh vokal \*i dan \*u. Gejala ini berbeza daripada DHK kerana konsonan BMP \*h gugur dalam semua sekitaran.


- vi. Ciri fonologi terakhir yang menjadikan DHK ini khas dan berbeza daripada dialek Melayu Hilir Kedah ialah penyingkatan nasal homorgan. Penyingkatan hanya melibatkan pengguguran nasal yang hadir bersebelahan dengan konsonan letupan dan letupan tak bersuara, lantas meninggalkan ciri pemanjangan. Ciri ini tidak terdapat dalam dialek hilir yang tetap mengekalkan bentuk nasal homorgan.

**Jadual 17** Contoh leksikal yang menunjukkan realisasi geseran velar.

BMP	DHK
*yumaq	[yuməh]
*rebuŋ	[yebuŋ]
*remuk	[yemuk]
*rəbah	[yebah]
*seray	[səyɛ]
*uʔaŋ	[uʔaŋ]
*ma-iyah	[miyeh]
*akay	[akɐ]
*bakay	[bakɐ]
*lapay	[lapɐ]
*ulay	[ulɐ]
*bayay	[bayɐ]
*hiliy	[ile]

Perbezaan (i) – (vi) menunjukkan fakta linguistik yang membezakan DHK daripada dialek Melayu Hilir Kedah secara jelas. Perbezaan yang wujud ini membolehkan pengelompokan ditetapkan seperti dalam Rajah 1.






**Rajah 1** Pengelompokan DHK dalam cabang dialek Semenanjung.

Keterangan:

- i. Pemisahan yang digambarkan dalam Rajah 1 merupakan inti perbincangan dalam subbahagian lalu. Dalam bahagian tersebut, dinyatakan bahawa dialek hulu menunjukkan perbezaan fonetik dan fonologi yang agak ketara berbanding dengan dialek piawai. Perbezaan yang diserlahkan itu mewajarkan keperluan pemisahan antara kedua-dua kawasan.
- ii. Oleh itu, DHK membentuk cabang tersendiri yang terpisah daripada cabang dialek Melayu Kedah piawai. Dalam hal ini, DHK membentuk cabang tersendiri, bukannya satu cabang umum yang boleh dinamakan secara tentatif sebagai subdialek bagi dialek Melayu Kedah. Hal ini dikatakan demikian kerana ciri fonologi yang dimiliki oleh dialek Melayu hulu tidak menunjukkan inovasi yang dikongsi bersama dengan dialek Melayu Kedah piawai. Antara dialek yang bernaung di bawah nomenklatur DHK termasuklah dialek Melayu yang dituturkan di Baling, Sik, Padang Terap dan Kuala Nerang. Visualisasi mengenai DHK ini dipaparkan dalam Rajah 2.




**Rajah 2** Pecahan dialek Melayu Hulu Kedah.

- iii. Inventori fonem dan analisis ciri fonologi membuktikan dua perkara. Pertama, DHK terpisah daripada cabang dialek Melayu Semenanjung Utara. Dengan erti kata lain, dialek ini bukan subdialek bagi dialek Melayu Kedah piawai. Kedua, oleh sebab dialek ini terpisah daripada induk yang sering diuar-uarkan selama ini, DHK memerlukan pengelompokan yang tersendiri. Kesimpulan ini berbeza daripada tanggapan pengkaji lepas yang menyatakan bahawa DHK ialah subdialek bagi dialek Melayu Kedah dan seharusnya bernaung di bawah cabang dialek tersebut (Asmah Haji Omar, 2008; Nur Faslin Sulaiman, 2015).
- iv. Yang menjadi persoalan kini ialah kelompok dialek yang sesuai untuk menaungi DHK. Makalah ini mencadangkan cabang dialek Melayu baharu yang mungkin merangkaikan dialek Melayu di Baling, Sik, Kuala Nerang, Padang Terap dan hulu Perak Utara seperti yang dinyatakan dalam kupasan seterusnya (vi).
- v. Kewujudan kelompok dialek Melayu ini sangat relevan untuk difikirkan dengan lebih lanjut, khususnya bagi memerikan inovasi linguistik yang dikongsi bersama dengan lebih terperinci. Selain justifikasi linguistik, seperti pemonoftongan, pengejalan konsonan geseran velar pada awal dan di antara vokal, serta penggugurannya pada akhir kata yang dibincangkan sebelum ini, faktor geografi juga dapat digunakan sebagai hujah tambahan. Bagi hujah geografi, kawasan ini sememangnya berada dalam lingkungan geografi yang berdekatan. Oleh itu, kemungkinan untuk berlakunya samaan dari segi linguistik itu sangat tinggi.
- vi. Dialek Melayu yang dituturkan di kawasan hulu dan pedalaman di Semenanjung Utara dapat dianggap membentuk suatu cabang dialek yang tersendiri. Cabang ini dikenali sebagai cabang dialek Melayu Hulu Semenanjung Utara. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, cabang dialek Melayu Hulu Semenanjung Utara terdiri daripada dialek yang

berkongsi nomenklatur DHK, iaitu dialek yang dituturkan di Baling, Sik, Kuala Nerang, Padang Terap dan Hulu Perak Utara.

Keterangan (vi) secara jelas menyentuh pembentukan cabang dialek Melayu Hulu Semenanjung Utara. Walau bagaimanapun, terdapat satu perkara lagi yang belum disentuh, iaitu mengenai hubungan antara dialek hulu yang membentuk cabang tersebut. Isunya di sini ialah bagaimanakah hubungan antara dialek hulu tersebut? Rajah 3 menunjukkan perincian cabang hulu Semenanjung Utara yang dipertakatakan ini.



**Rajah 3** Pengelompokan baharu dialek Melayu hulu cabang Semenanjung Utara.

Keterangan:

- i. Rajah 3 menunjukkan kewujudan dua cabang dialek Melayu Hulu Semenanjung Utara. Pada satu cabang, terdapat dialek Melayu Hulu Perak Utara dan pada cabang yang lain, terdapat dialek Melayu Baling, dialek Melayu Sik, dialek Melayu Kuala Nerang dan dialek Melayu Padang Terap.
- ii. Pewajaran yang menjadi asas pengelompokan seperti ini ialah inovasi bersama, iaitu:
  - a. Sistem vokal

Dialek Melayu Hulu Perak Utara memperlihatkan inovasi sistem vokal daripada sistem empat vokal kepada sistem enam vokal. Hal ini berbeza bagi dialek Melayu Baling, Sik, Padang Terap dan Kuala Nerang yang berinovasi kepada sistem lapan vokal. Oleh itu, dialek Melayu Hulu Perak Utara dipisahkan daripada cabang Baling, Sik, Padang Terap dan Kuala Nerang. Persoalannya,

mengapakah boleh berlaku inovasi semacam ini dalam kedua-dua kelompok dialek?

Sebenarnya, hal ini telah lama dijelaskan oleh Trudgill (2011). Menurut Trudgill (2011), sesebuah bahasa menjadi inovatif atau konservatif disebabkan oleh hentaman kontak atau pertembungan yang dialami dalam sejarahnya. Disebabkan oleh kontak, sistem linguistik bahasa berkenaan mengalami pembauran dan percampuran dengan sistem linguistik bahasa lain yang wujud dalam ekologi linguistik yang dihuninya. Natiujahnya ialah gejala pembauran tersebut akhirnya mengubah sistem linguistik bahasa berkenaan, misalnya daripada sistem yang kompleks kepada sistem yang mudah, atau sebaliknya.

Perubahan daripada sistem empat vokal kepada enam vokal di Hulu Perak Utara dan lapan vokal di Hulu Kedah boleh dihubungkan dengan kewujudan situasi kontak tinggi di kedua-dua kawasan tersebut. Jika diselak kembali lembaran sejarah yang lalu, ternyata kawasan Hulu Perak dan Hulu Kedah sememangnya pernah menerima kontak linguistik dari luar, umpamanya migrasi besar-besaran dari Selatan Thai ke utara tanah air pada sekitar abad ke-17 akibat peperangan.

b. Nasal akhir kata

Ciri kedua yang mewajarkan pengelompokan ini dilakukan ialah penyatuan nasal akhir BMP \*m, \*n, \*ŋ kepada [ŋ]. Penyatuan nasal akhir ini dapat dikatakan menjadi satu daripada ciri yang membezakan cabang hulu Semenanjung Utara daripada dialek Melayu Hilir Semenanjung Utara. Secara umumnya, semua dialek yang tercakup di bawah cabang dialek Melayu Hulu Semenanjung Utara memperlihatkan ciri inovasi penyatuan nasal yang serupa.

iii. Cabang dialek Melayu Hulu Semenanjung Utara dipisahkan pula kepada dua kelompok, iaitu kelompok dialek Melayu Hulu Perak Utara di satu kelompok, manakala dialek Melayu Baling, Sik, Padang Terap dan Kuala Nerang di kelompok yang lain. Terdapat tiga inovasi yang mewujudkan dua kelompok ini, iaitu:

a. Diftong

Semua dialek di bawah cabang hulu Semenanjung Utara memperlihatkan adanya proses pemonoftongan. Dalam hal

ini, diftong asal, yakni BMP \*aw dan \*ay disingkatkan hanya kepada [ɔ] ~ [o] dan [ɛ], masing-masing. Dialek Melayu Hulu Kedah, iaitu Baling, Sik, Padang Terap dan Kuala Nerang merealisasikan diftong BMP \*aw kepada [ɔ]. Hal ini sedikit berbeza dalam dialek Melayu Hulu Perak Utara yang memperlihatkan diftong BMP \*aw mengalami perubahan kepada [o]. Meskipun yang berbezanya hanyalah nilai vokal, perbezaan ini sudah cukup untuk memisahkan kedua-dua kelompok tersebut.

b. Vokal BMP \*a pada akhir kata

Vokal BMP \*a menjadi [ɐ] pada posisi akhir kata sebelum kesenyapan dalam dialek Melayu Baling, Sik, Padang Terap dan Kuala Nerang. Sebagai contoh, [bakɐ] “bakar”, [lapɐ] “lapar”, [ulɐ] “ular” dan [bayɐ] “bayar”. Perubahan seperti ini tidak berlaku dalam dialek Melayu Hulu Perak Utara, sebaliknya vokal BMP \*a pada akhir kata dikekalkan dalam realisasinya. Kelainan yang diperlihatkan dalam dialek Melayu Hulu Perak Utara ini secara tidak langsung memudahkan usaha pengelompokan kecil.

c. Konsonan BMP \*h pada awal kata

Pengguguran konsonan BMP \*h pada awal kata merupakan ciri pembeza yang memisahkan kelompok DHK daripada dialek Melayu Hilir Kedah. Walaupun data yang direkodkan oleh Asmah Haji Omar (2008) memperlihatkan gejala yang sama, iaitu BMP \*h gugur pada awal kata dalam dialek Melayu Hilir Kedah, terdapat kekecualian, iaitu konsonan [h] pada awal kata hanya digugurkan jika diikuti oleh vokal /i/ dan /u/. Keadaan ini ternyata berbeza daripada DHK, iaitu konsonan BMP \*h gugur dalam semua keadaan. Tidak seperti di Hulu Kedah, dialek Melayu Hulu Perak Utara mempertahankan BMP \*h pada awal kata. Hal ini secara tidak langsung menguatkan pemisahan kelompok yang dibuat antara DHK dengan dialek Melayu Hulu Perak Utara.

### **Perbezaan antara Dialek Melayu Hulu Kedah dengan Pengelompokan Sedia Ada**

Persoalan yang mungkin muncul ialah perbezaan pengelompokan yang dicadangkan dalam bahagian lalu dengan pengelompokan yang sedia ada.

Dalam hal ini, apakah kelebihan yang ada pada pengelompokan baharu ini? Adakah yang baharu lebih relevan berbanding dengan yang lama? Persoalan sebegini sangat penting untuk ditimbulkan kerana kajian dialek Melayu di Semenanjung masih bersimpang-siur sehingga keabsahannya dalam aspek mempersembahkan realiti penyebaran dialek Melayu kadangkala diragui. Satu daripada hakikat yang diragui keabsahannya ialah pengelompokan yang berasaskan sempadan negeri seperti yang diulas dengan ringkasnya pada awal makalah ini.

Maka, atas tanggapan kritis terhadap premis sempadan dialek yang serupa dengan sempadan negeri, beberapa sarjana mencadangkan pengelompokan baharu bagi dialek Melayu. Dalam hal ini, pengelompokan yang mungkin menampakkan kelainan dengan premis tersebut ialah pengelompokan yang dicadangkan oleh Collins (2016a). Yang menjadi tumpuan dalam bahagian ini ialah cabang dialek Melayu Semenanjung Utara. Dialek Melayu yang terdapat dalam cabang Semenanjung Utara ialah dialek Melayu Kedah, dialek Melayu Perak Utara, dialek Melayu Perlis dan dialek Melayu Pulau Pinang. Namun begitu, pengelompokan sebegini menatijahkan satu perkara lain, iaitu jika ditemukan dialek Melayu lain di negeri tersebut yang mungkin memiliki perbezaan yang tuntas, dialek Melayu berkenaan tetap dianggap varian bagi dialek Melayu Utara yang sedia ada.

Andaian tentang kemungkinan wujud dialek Melayu lain yang berbeza itu memang berasas, tetapi masih belum diusahakan pendokumentasian yang sistematik bagi membolehkan perbezaannya ditonjolkan. Contohnya, telah berdekad-dekad lamanya pengkaji bahasa menerima dengan yakinnya bahawa dialek Melayu di Hulu Kedah merupakan satu daripada varian atau subdialek bagi dialek Melayu Kedah (Asmah Haji Omar, 1979, 2008; Nur Faslin Sulaiman, 2015; Umaiyyah Umar, 1999). Namun begitu, realitinya tidak seperti yang didakwa (Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani & Hasrah, 2023; Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani, 2021; Shahidi A. Hamid, 2009). Semua analisis tersebut terhasil kerana kuatnya kebergantungan terhadap paradigma sempadan negeri yang dicipta oleh penjajah. Usaha pemetaan dialek daerah, seperti di Hulu Kedah (Baling, Sik, Kuala Nerang dan Padang Terap) yang belum dihuraikan secara terperinci benar-benar tergendala disebabkan oleh kebergantungan yang tidak disedari terhadap sempadan dalaman yang hakikatnya bersifat khayalan.

Hal yang sama juga ditunjukkan dalam kajian yang dilakukan oleh Umaiyyah Umar (1999) dan Nur Faslin Sulaiman (2015). Kedua-dua

pengkaji ini seolah-olah membenarkan generalisasi umum yang dinyatakan oleh Asmah dalam *Susur Galur Bahasa Melayu*. Nur Faslin pula dengan tegasnya menyatakan bahawa dialek Baling ialah cabang daripada dialek Melayu Kedah standard seperti yang digagaskan oleh Asmah. Pengkaji tersebut tampil dengan dapatan yang menunjukkan bahawa dialek Melayu Baling mempunyai sistem lapan vokal dengan 20 fonem konsonan yang sama seperti dialek Melayu Kedah standard. Hal yang sama turut diakui oleh Umaiyyah yang menjalankan kajiannya di Baling. Menurut Umaiyyah, dialek Melayu Baling sememangnya memperlihatkan pengaruh dialek Melayu Patani dalam bentuk linguistiknya. Namun begitu, pengaruh itu tidak lebih daripada sekadar dialek Melayu Kedah biasa yang dilenggokkan dengan dialek Melayu Patani. Ringkasnya, kajian Nur Faslin dan Umaiyyah Umar ini tidak lain hanyalah membenarkan gagasan awal yang dikemukakan oleh Asmah, sedangkan keadaan sebenarnya tidaklah seperti yang digambarkan.

Sehingga makalah ini ditulis, maklumat tentang dialek Melayu yang dituturkan di Hulu Kedah masih belum tuntas. Ketiadaan maklumat yang cukup tentangnya menyebabkan pertanyaan yang melibatkan hubungan semua dialek Melayu di kawasan tersebut menjadi semakin kuat bergema. Antara soalan yang masih kekal menjadi tanda tanya termasuklah adakah dialek Melayu di utara membentuk satu cabang baharu yang menghubungkan dialek tersebut? Oleh itu, bagi menjawab pertanyaan ini, dokumentasi dialek Melayu Hulu Kedah sangat perlu dilakukan.

Maka, inilah yang dilakukan menerusi kajian ini pada peringkat awal, iaitu mendokumentasikan dialek Melayu Hulu Kedah. Hal ini bagi membuktikan kewujudan sebuah dialek Melayu di hulu yang berbeza daripada dialek Melayu Kedah di hilir. Hasilnya, seperti yang telah dibincangkan, dialek Melayu di Hulu Kedah memiliki ciri yang tersendiri. Ciri tersebut berbeza daripada ciri dialek Melayu Kedah. Ciri khas yang dimiliki oleh dialek Melayu Hulu Kedah membolehkannya dikelompokkan di bawah cabang yang tersendiri. Oleh itu, kajian ini mengemukakan pengelompokan baharu di utara yang dikenali sebagai cabang Hulu Semenanjung Utara. Kewajaran mengenai pengelompokan baharu ini telah dibincangkan secara panjang lebar dalam bahagian sebelum ini yang bertitik tolak daripada ciri fonologi bersama yang ditunjukkan oleh dialek berkenaan.

Kelebihan pengelompokan sebegini ialah kepekaan terhadap fakta geografi dan sejarah. Bagi fakta geografi, pengelompokan ini

membayangkan bahawa kawasan hulu di kawasan Semenanjung Utara merupakan kawasan yang saling bercantum. Hal ini dikatakan demikian kerana semua dialek yang berada di bawah cabang Hulu Semenanjung Utara saling berdekatan atau bersebelahan. Oleh sebab kedekatan tersebut, tidak hairanlah jika dialek tersebut berkongsi ciri fonologi yang serupa atau hampir serupa.

Kebarangkalian untuk masyarakat yang tinggal di kawasan hulu tersebut memiliki hubungan yang erat adalah tinggi. Bagi memikirkan keterkaitan hubungan seperti yang diperkatakan itu, setiap pengkaji perlu melihatnya dari perspektif sejarah. Dengan erti kata lain, faktor persempadanan, politik dan penghijrahan beramai-ramai masyarakat luar ke utara Semenanjung secara tidak langsung telah menggugat dan mempengaruhi sistem linguistik dialek tempatan.

## **KESIMPULAN**

Harus diakui bahawa cadangan tentang pengelompokan secara spesifik yang menghubungkan semua dialek Melayu Hulu di Semenanjung bahagian utara merupakan perkara baharu dalam kajian dialek Melayu. Dari satu segi, makalah ini ternyata telah mengemukakan beberapa kriteria linguistik bagi cabang dialek Melayu Semenanjung Utara sebagai asas pengelompokannya. Kriteria yang dimaksudkan ialah penyatuan nasal akhir dan kewujudan fonem [ɣ] sebagai refleks langsung BMP \*ɣ pada posisi awal kata dan antara vokal, serta penggugurannya pada posisi akhir sebelum kesenyapan. Dua kriteria ini memadai untuk mengelompokkan semua dialek Melayu Hulu di Semenanjung Utara dan membentuk satu cabang khusus yang dikenali sebagai cabang Hulu Semenanjung Utara. Dari segi yang lain pula, kewujudan cabang Hulu Semenanjung Utara mungkin akan sirna disebabkan oleh kontak dialek pada masa ini begitu memperlihatkan intensiti yang sangat tinggi, khususnya dengan dialek Melayu Kedah piawai.

Akan tetapi, dengan adanya pendokumentasian dan pengelompokan dialek Melayu hulu seperti yang ditampilkan dalam makalah ini, secara tidak langsung, kerja pemetaan dan penentuan sempadan dialek tersebut menjadi lebih mudah sebelum penyatuannya secara menyeluruh dengan dialek Melayu Kedah piawai terjadi. Dokumentasi dan pengelompokan sebegini amat penting bagi menyelesaikan isu yang terkait dengan sempadan pemisahan antara satu dialek dengan satu dialek yang lain. Hal ini juga sekali gus dapat meluruskan kembali wawasan pengelompokan,



termasuklah pemetaan dialek yang dilakar berdasarkan grid kenegerian yang telah lama digunakan oleh kebanyakan pengkaji dan menatijahkan penampilan fakta dialek Melayu yang lebih tepat dengan kenyataan penyebarannya dalam ruang geografi dan sosial.

### **PENGHARGAAN**

Kajian ini didanai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (MoHE) menerusi Fundamental Research Grant Scheme (FRGS-Racer) (RACER/1/2019/SSI01/UUM//1). Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Universiti Utara Malaysia kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

### **SUMBANGAN PENULIS**

Muhammad Khairulanwar Abd. Ghani: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis, penulisan dan penyediaan makalah akhir; Mohd Tarmizi Hasrah: Konsep dan reka bentuk kajian, analisis dan penginterpretasian hasil, semakan dan pengesahan serta penghantaran manuskrip akhir; Khairul Faiz Alimi: Penyediaan, semakan dan pengesahan makalah.

### **PENDANAAN**

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA**

Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang koresponden atas permintaan.

### **PERISYTIHARAN**

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

## RUJUKAN

- Abdul Karim Ismail. (1971). *Dialek Baling (Sifat-sifat umum dan kumpulan teks)* [Tesis sarjana muda yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Abdullah Hassan. (1966). *Perbandingan tatabunyi antara dialek Kedah dengan dialek Perak* [Tesis sarjana muda yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Adelaar, K. A. (1992). Proto-Malayic: The reconstruction of phonology and parts of its morphology and lexicon. *Pacific Linguistic C-119*. Australian University Press.
- Ajid Che Kob. (1985). *Dialek geografi Pasir Mas*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Andersen, H. (1988). Center and periphery: Adoption, diffusion, and spread. Dlm. J. Fisiak (Ed.), *Historical dialectology, regional and social* (39–83). Mouton de Gruyter.
- Asmah Haji Omar. (1977). *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1979). *Darulaman: Essay on linguistic, cultural and socio-economic aspects of the Malaysian state of Kedah*. Penerbit Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (1991). *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan* (edisi kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur galur bahasa Melayu* (edisi ke-2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blevins, J. (2008). Natural and unnatural sound patterns: A pocket field guide. Dlm. K. Willems & L. D. Cuypere (Eds.), *Naturalness and iconicity in language* (121–148). John Benjamins.
- Blust, R., & Trussel, S. (2013). The Austronesian comparative dictionary: A work in progress. *Oceanic Linguistics*, 52(2), 493–523. <https://www.trussel2.com/ACD/>
- Chambers, J. K., & Trudgill, P. (1998). *Dialectology*. Cambridge University Press.
- Collins, J. T. (1983a). *Dialek Ulu Terengganu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1983b). Dialek Pahang: Rangka pengenalan. *Dewan Bahasa*, 27, 99–118.
- Collins, J. T. (1985). Dialek Melayu Pulau Tioman dan rekonstruksi bahasa Melayu purba. *Dewan Bahasa*, 5, 369–383.
- Collins, J. T. (1986). Pendahuluan. Dlm. J. T. Collins (pengumpul dan penterjemah), *Penyusunan salasilah bahasa di Malaysia: Kumpulan karya R. A. Blust*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1996). *Khazanah dialek Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Collins, J. T. (1998). Bahasa Melayu Hulu Tembeling: Menjejaki sejarah semenanjung. *Dewan Bahasa*, 2, 145–157.
- Collins, J. T. (2016a). *Wibawa bahasa: Kepiawaian dan kepelbagaian* (edisi kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (2016b). *Dialek Melayu Sarawak*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crowley, T., & Bowern, C. (2010). *An introduction to historical linguistics*. Cambridge University Press.
- Hajek, J. (2010). Aspiration in some varieties of northern aslian. *Oceanic Linguistics*, 49(2), 359–368.
- Ismail Hussein. (1973). Malay dialects in Malay peninsula. *Nusantara*, 3, 69–79.
- Labov, W. (1994). *Principles of linguistic change, vol. 1: Internal factors*. Wiley-Blackwell.
- Mahsun, M. S. (1995). *Dialektologi diakronis: Sebuah pengantar*. Gajah Mada University Press.
- Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani & Mohd Tarmizi Hasrah. (2023). Aspirasi sebagai penanda identiti dialek Melayu Baling. Dlm. Maslida Yusuf, Karim Harun & Rahim Aman (pnyt.), *Bahasa dan identiti masyarakat tutur*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani. (2021). Dialek Melayu Baling: Satu pemerian awal. *Jurnal Bahasa*, 21(2), 1–15.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A. Hamid. (2013). Inovasi dan retensi dalam dialek Hulu Tembeling. *Gema Online Journal of Language Studies*, 13(3), 211–221.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A. Hamid. (2014). *Fosil dialek Hulu Pahang*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2018). Dialek Melayu hulu dan hilir di timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 65–102.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2020). Dialek Pasir Raja: Ciri fonologi dan pengelompokan. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 173–202.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2022). *Dialek Melayu hulu di timur Semenanjung Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hassan Mohd. Arshad. (1968). *Al-Tarikh salasilah negeri Kedah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norshahila Mohamad Razak. (2012). *Analisis konsonan nasal akhir kata dalam dialek Hulu Tembeling: Satu pendekatan sosiofonetik* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nothofer, B. (1996). *Dialek Melayu Bangka*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Faslin Sulaiman. (2015). *Sistem fonologi subdialek Baling, Kedah* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Nur Habibah Che Rosdi & Rahim Aman. (2020). Varian Hulu Perak Utara: Fenomena di Gerik dan Pengkalan Hulu. *Jurnal Melayu*, 19(2), 216–243.

- Nur Habibah Che Rosdi, Rahim Aman & Shahidi A. Hamid. (2019). Dialektologi Hulu Perak Utara: Implementasi sinkronik. *Jurnal Linguistik*, 23(2), 61–82.
- Nur Habibah Che Rosdi, Rahim Aman & Shahidi A. Hamid. (2023). *Dialek Hulu Perak Utara: Pendekatan linguistik perbandingan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Syazwani Salam & Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2019). Perilaku fonologi konsonan di akhir kata dialek Petani Sik. *Journal of Nusantara Studies*, 4(1), 316–343.
- Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan dialek Melayu Patani*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahidi A. Hamid. (2009). Alternasi dalam fonologi subdialek Kedah Utara. *Jurnal Bahasa*, 9(2), 302–325.
- Shuib Ismail. (1971). *Dialek Kedah pesisiran: Satu kumpulan teks serta pembicaraan linguistik* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Swadesh, M. (1951). Diffusional cumulation and archaic residue as historical explanations. *Southwestern Journal of Anthropology*, 7(1), 1–21.
- Takarian, D., & Pieter, C. (1998). *Kamus bahasa Melayu Ambon-Indonesia*. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Trudgill, P. (2011). *Sociolinguistic typology: Social determinants of linguistics complexity*. Oxford University Press.
- Umaiyah Umar. (1999). *A classification of Thai-Kedah dialect using phonological characteristics* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Van Minde, D. (1997). *Malayu Ambong*. The Netherlands Research School CNWS.
- Wu, J. (2023). *Malayic varieties of Kelantan and Terengganu: Description and linguistic history*. Netherlands Graduate School of Linguistics.